

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab yang menyebabkan golongan bukan Bumiputera tidak berminat untuk menyertai perkhidmatan awam dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini dan bagaimana keberkesanannya terhadap perkara ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya terbuka dan telus dalam proses pengambilan penjawat awam. Pada masa ini, proses pemilihan bagi pengambilan ke dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tidak meletakkan sebarang kuota sesuatu kaum tertentu dalam pelantikan penjawat awam. SPA juga tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga. Calon-calun yang dipanggil temu duga terdiri daripada mereka yang telah melepasi proses penyenaian pendek berdasarkan syarat skim perkhidmatan yang turut mengambil

kira keperluan kementerian/jabatan/agensi termasuk jantina, bidang pengajian, CGPA, lokaliti, kekosongan dan syarat-syarat tambahan lain iaitu lulus ujian fizikal dan pemeriksaan *Body Mass Index* (BMI) bagi jawatan-jawatan beruniform dan penguatkuasaan tertentu seperti Pegawai Penjara, Pegawai Bomba dan Penguatkuasa.

SPA sentiasa terbuka dan menggalakkan semua kaum untuk memohon bagi memasuki perkhidmatan awam, namun akhirnya pilihan adalah terletak kepada seseorang individu itu sendiri berdasarkan minat dan kehendak masing-masing. Pada tahun 2014, daripada 1,605,245 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam yang diterima oleh SPA, sebanyak 1,265,543 (78.84%) permohonan adalah diterima daripada kaum Melayu, 33,009 (2.06%) kaum Cina, 59,355 (3.7%) kaum India, 123,374 (7.7%) Bumiputera Sabah, 90,857 (5.7%) Bumiputera Sarawak dan 3,124 (0.2%) Orang Asli Semenanjung.

Sungguhpun demikian, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya, antaranya adalah seperti berikut:

- i. mempergiatkan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India;
- ii. memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India;
- iii. melantik pegawai-pegawai di kalangan kaum Cina dan India untuk bertugas di kaunter-kaunter khidmat pelanggan;

- iv. mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta;
- v. mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/pedalaman untuk menarik calon-calon bukan Bumiputera menyertai perkhidmatan awam;
- vi. menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA; dan
- vii. mewujudkan Jawatankuasa Khas mengkaji penyertaan kaum Melayu, Cina, India, Dayak, Siam, Kadazan Dusun dan kaum-kaum lain.

Hasil daripada usaha dan inisiatif yang dilaksanakan, didapati telah terdapat peningkatan permohonan bukan Bumiputera bagi memasuki perkhidmatan awam. Pada tahun 2014, peratusan permohonan bukan Bumiputera telah meningkat kepada 7.82 peratus berbanding pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 7.68 peratus. Manakala pada tahun 2012 pula, peratusannya adalah sebanyak 7.05 peratus.

Sekian, terima kasih.